

04 AUG 1999

Mahathir-Mapen

BIDANG BARU PERLU DITEROKAI ATASI KEGAWATAN

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia perlu menerokai bidang baru untuk menangani kegawatan ekonomi.

Beliau berkata bidang-bidang baru yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi mestilah dikenal pasti dan diterokai

"Teknologi maklumat seumpamanya boleh digunakan untuk pembangunan industri baru yang berasaskan kepadanya. Koridor Raya Multimedia mempunyai potensi yang besar dan latihan dalam bidang ini perlu dipergiatkan," katanya semasa berucap melancarkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

MAPEN II ditubuhkan oleh kerajaan untuk menjadi satu bahagian penting dalam proses penggubalan dasar utama bagi pembangunan negara dalam dekad pertama alaf baru. Ia dipengerusikan oleh bekas Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Anggota majlis dipilih daripada pelbagai kumpulan dan kepentingan agar pandangan yang dikemukakan mewakili pendapat semua lapisan masyarakat Malaysia.

Dr Mahathir berkata industri berasaskan kepada bahan komposit yang semakin banyak digunakan untuk automobil dan pesawat terbang boleh memberi sumbangan kepada industri pembuatan.

Perdana Menteri turut menyarankan agar pendekatan baru diperkenalkan bagi memajukan bidang pertanian seperti pengurusan estet secara besar-besaran untuk mengeluarkan sayur-sayuran dan buah-buahan selain cara baru menangkap dan menternak ikan.

Langkah itu akan meningkatkan pendapatan petani dan nelayan sementara negara pula dapat mengelak pengaliran keluar tukaran asing melalui import makanan.

"Jika kita memasuki bidang pertanian secara besar-besaran dengan mengadakan estet, kita pasti boleh memajukan lagi industri pertanian bukan sahaja untuk mengurangkan import makanan tetapi juga mengeksport lebih daripada keluaran yang diperlukan dalam negara," katanya.

Pekebun kecil tidak akan rugi jika estet sayur-sayuran dan buah-buahan diadakan kerana seperti juga dengan kelapa sawit, estet boleh membeli produk pekebun kecil untuk digred, diproses dan dipasarkan serta boleh dipasarkan semasa musim dan luar musim, katanya.

Nelayan baru pula hendaklah terdiri daripada mereka yang terlatih dan sanggup mengguna peralatan cara baru yang boleh meningkatkan pengeluaran ikan segar serta menambah pendapatan nelayan baru dan lama.

Dr Mahathir berkata, bidang pertanian sebelum ini kurang mendapat perhatian semasa negara menumpukan kepada pembangunan industri pembuatan dan ia lebih bertumpu kepada pembangunan estet getah, kelapa sawit dan koko.

"Kita tahu bahawa import makanan negara adalah item terbesar yang menyebabkan pengaliran keluar tukaran asing. Sebaliknya pendapatan daripada pengeluaran keluaran sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bunga jauh lebih tinggi daripada pendapatan daripada getah atau kelapa sawit atau koko," katanya.

Dr Mahathir juga meminta pengusaha dan pengguna di negara ini mengubah sikap untuk menerima produk ciptaan rakyat Malaysia bagi memajukan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Bidang R&D tidak menarik minat dan kurang berhasil di negara ini kerana

secara umumnya pengusaha dan pengguna tidak sanggup menerima pendekatan dan barangan ciptaan rakyat negara sendiri, katanya.

"Malaysia perlu menggubal strategi yang berbeza dari yang pernah dibuat dahulu untuk membolehkan negara menghadapi arus globalisasi dan liberalisasi," katanya.

Perdana Menteri mengesyorkan agar MAPEN II memanfaatkan cara Malaysia menangani kegawatan ekonomi dan pemulihannya.

"Kegawatan ekonomi itu mendedahkan banyak kelemahan dalam pengurusan ekonomi negara seperti jentera kerajaan tidak dapat membelanjakan peruntukan pembangunan secara cekap," katanya.

Pemantauan perbelanjaan pembangunan untuk menentukan peruntukan dibelanja mengikut jadual telah meningkatkan prestasi pembangunan sumbangan kerajaan dan ia menjadi pemangkin kepada banyak kegiatan ekonomi negara.

Perhatian rapi oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang turut diberi kepada sektor swasta telah juga membantu menggerak dan mempergiatkan aktiviti ekonomi bagi menghalang kuncupan dan membolehkan pertumbuhan ekonomi dicapai, katanya.

Mengenai matlamat menjadikan Malaysia tumpuan serantau dalam pelbagai bidang seperti pengangkutan udara dan laut, pelajaran, kesihatan dan pelancongan, Dr Mahathir berharap anggota MAPEN II dapat meneliti menajamkan strategi sedia ada agar pusat serantau yang mahu dibentuk itu bermutu tinggi atau "world class".

"Sehubungan ini kita perlu membangunkan usahawan yang juga berkelas dunia. Kalau dulu strategi DEB (Dasar Ekonomi Baru) dan DPN (Dasar Pembangunan Nasional) tertumpu kepada usahawan tempatan Bumiputera, sekarang kita perlu memikirkan bagaimana mewujudkan usahawan Malaysia termasuk Bumiputera yang berkelas dunia," katanya.

Perdana Menteri mahu usahawan bumiputera dan bukan bumiputera berganding bahu dan bekerjasama bagi memantapkan keupayaan menghadapi cabaran global.

"Jika kita bersatu, kita akan mampu mewujudkan usahawan Malaysia yang teguh, mampu bersaing dan tahan uji," katanya.

Beliau juga mahu MAPEN II melihat soal moral dan kerohanian dalam usaha membangunkan ekonomi negara ke arah status negara maju.

-- BERNAMA

AFY MAI

04/08/99 18-37MST